

07/09/1997

PM pelopor budaya Melayu baru

BADAN Perhubungan Umno Johor mahu semua ahli parti itu mengiktiraf Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pelopor reformasi budaya bangsa Melayu.

Wakilnya, Khaled Nordin, ketika membahaskan ucapan dasar Presiden, berkata pengiktirafan itu adalah satu daripada cara rakyat Malaysia, khususnya bangsa Melayu, mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir atas kejayaannya meletakkan negara setaraf dengan negara maju.

"Selama bertahun-tahun Presiden parti berusaha membentuk satu budaya baru di kalangan orang Melayu seperti budaya ketepatan masa, budaya bertanggungjawab, budaya keyakinan diri ketika menjalankan tugas dan membebaskan diri daripada budaya pemikiran feudal kerana ia menghalang proses reformasi bangsa.

"Dengan lahirnya Wawasan 2020, ia secara tidak langsung membentuk satu lagi budaya baru iaitu budaya berwawasan, budaya futuristik dan kerancangan budaya berfikir. Maka adalah tidak keterlaluan jika kita dalam Umno mengiktiraf Presiden parti sebagai pelopor reformasi budaya bangsa Melayu," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, kerja keras Dr Mahathir sejak bertahun-tahun untuk Malaysia menjadi negara maju tidak akan membawa makna sekiranya orang Melayu sendiri tidak terbina atas kekuatan budaya.

Berikutan itu, Khaled menggariskan beberapa agenda kerja yang boleh dilaksanakan di semua peringkat di dalam Umno, antaranya melahirkan sistem nilai dengan menjadikan al-Quran sebagai sumber rujukan utama.

"Kita juga perlu mewujudkan agenda kerja yang boleh mencetus satu gelombang gerakan sosial yang merangsang bangsa Melayu supaya menguasai ilmu pengetahuan dan pendidikan tinggi sebagai asas pertahanan dan ketahanan bangsa.

"Ketiga, membentuk agenda kerja yang boleh mengembalikan masyarakat warisan seni budaya bangsa sebagai wadah untuk menyemai semangat patriotik dan nasionalisme Melayu demi kesatuan dan perpaduan bangsa," katanya.

Dalam usaha menangani masalah konspirasi penyangak ekonomi, Khaled mendesak rakyat Malaysia bergabung tenaga menyelesaikan kemelut berkenaan.

"Jika ketika zaman menuntut kemerdekaan ibu bapa kita boleh mengorbankan harta benda, pengorbanan yang sama boleh kita lakukan sekarang.

"Selain lebih banyak membuat pelaburan, beli barangan tempatan, melancong dalam negeri, mereka yang mempunyai pelaburan tidak produktif di luar negara seperti pemilikan hartanah dan apartmen di luar negara, jual dan bawa balik duit untuk dilaburkan di sini. Inilah masa kita menunjukkan kecintaan kepada negara ini," katanya.

Wakil Badan Perhubungan Umno Selangor, Mohd Zin Mohamad pula meminta orang Melayu melakukan perubahan pemikiran agar Umno menjadi lebih kuat, kukuh dan bermakna bagi menjamin kesinambungan ketuanan Melayu.

Sambil menyifatkan amanat presiden parti sebagai suntikan baru, beliau berkata orang Melayu harus lebih bertanggungjawab dalam menentukan nasib dan arah perjuangan maruah bangsa.

"Dalam tempoh lebih kurang dua tahun sebelum masuk alaf baru, orang Melayu dan Islam perlu mampu berdikari dan bukan lagi menjadi mangsa yang membawa tempurung untuk meminta sedekah, terutama dari Barat," katanya.

(END)